



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO
TARIKH	:	2/7/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Perhilitan sahkan kejadian berlaku di India, minta orang ramai tidak cemas

Video harimau bukan di Malaysia

Oleh SYED MOHD HAZIQUE SYED NOR

KUALA LUMPUR - Satu video yang memaparkan seekor harimau mengejar ke arah sebuah motosikal tular baru-baru ini sehingga mendatangkan cemas dalam kalangan penduduk di negara ini.

Video berdurasi 13 saat itu menunjukkan seorang lelaki menunggang motosikal melalui sebuah kawasan hutan yang mirip di Malaysia.

Video itu dipercayai dirakam oleh pembonceng motosikal tersebut sebelum tular dalam media sosial sejak minggu lalu sekaligus mendatangkan rasa cemas sekiranya kejadian itu berlaku di Malaysia.

Bagaimanapun, Forests and Wildlife Protection Society menerusi Facebooknya melaporkan kejadian tersebut berlaku di Muthanga Wildlife Safari di Kerala, India.



Dalam pada itu, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, orang ramai tidak perlu bimbang kerana kejadian tersebut tidak berlaku di Malaysia.

"Masyarakat tidak perlu bimbang kerana video yang tular itu berlaku di India. Setakat ini kami juga tidak menerima sebarang laporan mengenai haiwan buas yang bertegar di kawasan ini," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Mengulas lanjut, Kadir memberitahu, pihaknya sentiasa mengawal dan menjaga haiwan-haiwan buas termasuk harimau



VIDEO tular memaparkan seekor harimau mengejar penunggang motosikal di Muthanga Wildlife Safari Kerala, India.

bagi mengelak kejadian seperti itu berlaku di negara ini.

"Perhilitan bersama agensi-agensi lain sentiasa memantau keadaan hidupan liar agar tidak memberi ancaman yang berbahaya kepada orang ramai," katanya.



kesmo 2/7 0514